

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT,**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AGO ANAK DAGANG @ AARON  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 15 MAC 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Ago Anak Dagang @ Aaron [ Kanowit ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan status dan kejayaan pelbagai program 1AZAM untuk  
meningkatkan pendapatan rakyat miskin di negara ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH), terdapat tujuh (7) Program 1AZAM iaitu **1AZAM Niaga dan Khidmat** yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), **1AZAM Tani** oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), **1AZAM Kerja** oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR), **1AZAM Bandar** oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), **1AZAM Sabah** oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Sabah dan **1AZAM Sarawak** oleh Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti (KKWKK) Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh Januari 2011 hingga 31 Disember 2016, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan keseluruhan Program 1AZAM sejumlah 198, 060 orang dari seluruh negara. Bagi memastikan bantuan yang diberikan memberi impak kepada kumpulan sasar, pemantauan dan bimbingan secara berterusan dilaksanakan dalam usaha membantu para penerima bantuan agar mampu untuk hidup berdikari. Hasil daripada proses pemantauan tersebut, 96,072 orang peserta telah meningkatkan pendapatan bulanan isi rumah melebihi RM300 sehingga RM500 atau berjaya meningkatkan pendapatan per kapita melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK). Selain itu, seramai 3,839 orang peserta telah meningkatkan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah pendapatan bulanan mereka di bawah inisiatif *Beyond 1AZAM* dan seramai 50 orang peserta telah menaik taraf perniagaan mereka kepada Usahawan Industri Kecil.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2016, Kementerian telah melaksanakan satu Kajian Penilaian *Outcome* yang telah menetapkan beberapa Indikator Pencapaian bagi mengukur keberkesanan dan impak program ini. Kajian ini melibatkan peserta 1AZAM (AZAM Niaga & Khidmat) di bawah Kementerian di seluruh negara. Kajian tersebut telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Penilaian *Outcome* (JKPO) peringkat ICU JPM pada 16 Ogos 2016 lepas dan hasil daripada kajian tersebut adalah seperti berikut.

Daripada pensampelan seramai 400 orang peserta daripada 5,141 orang peserta yang dilakukan, didapati bahawa:

- i. Pendapatan bagi 11.6% peserta telah berjaya melepasi PGK Miskin;
- ii. Pendapatan bagi 30.5% peserta berjaya melepasi PGK Miskin Tegar;
- iii. 96.0% peserta berpuas hati dengan keseluruhan Program 1AZAM;

- iv. 96.7% peserta menyatakan kesediaan kekal mapan menjalankan perniagaan mereka;
- v. Purata bagi peningkatan pendapatan keseluruhan adalah sebanyak RM448.55; dan
- vi. Purata pendapatan peserta setelah menerima peralatan atau memulakan perniagaan meningkat kepada RM701.64 berbanding RM253.09 sebelum menerima peralatan atau memulakan perniagaan di mana peningkatan telah berlaku sebanyak 177.2%.

Di samping itu, inisiatif Program 1AZAM ini juga turut memperkukuhkan pengetahuan kewangan peserta serta membuka minda mereka mengenai kaedah terbaik menguruskan hutang serta perniagaan mereka. Ini adalah lanjutan daripada pelaksanaan Kursus Literasi Kewangan dan Pengurusan Hutang yang diwajibkan kepada peserta Program 1AZAM sebelum mereka menerima bantuan peralatan masing-masing. Kursus ini dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan dilihat menjadi satu keperluan penting untuk para peserta menjadi usahawan yang lebih berjaya.